

Masalah pembetung punca banjir di Puchong

» Siasatan terperinci dijalankan, syarikat konsesi diminta laksana tindakan segera

Oleh Diyanah Anuar
diyanah@bharian.com.my

► Subang Jaya

Banjir kilat di sekitar Puchong kelmarin, dipercayai berpunca daripada kegagalan satu daripada tiga saluran pembetung bawah tanah di Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), di sini.

Kemungkinan itu adalah antara rumusan awal perbincangan antara Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd LITRAK, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) dan Jabatan Pengairan dan Saliran, semalam.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi Kasbi, berkata hujan lebat yang bermula tengah hari kelmarin menyebabkan

“**MRCB juga diminta meluruskan longkang supaya air mengalir lebih cepat ke sungai**”

Asmawi Kasbi,
Yang Dipertua MPSJ

mengalami banjir terletak berhampiran dengan satu daripada pembetung berkenaan, yang juga berdekatan kompleks belibelah IOI Mall Puchong.

“Kita dapati air terlalu tinggi dan melimpah hingga naik ke atas jalan dan kawasan letak kereta terbuka IOI,” katanya

air mengalir deras dari kawasan tinggi seperti Bandar Puteri, Setiawalk dan Puchong Jaya dengan melalui tiga pembetung bawah tanah LDP yang mengalir ke Sungai Klang.

Katanya, kawasan mengalami banjir terletak berhampiran dengan satu daripada pembetung berkenaan, yang juga berdekatan kompleks belibelah IOI Mall Puchong.

pada sidang media selepas mesyuarat itu.

Siasatan terperinci

Asmawi berkata, pihaknya bersama MRCB dan LITRAK akan melawat kawasan itu sekali lagi hari ini untuk memastikan punca sebenar kejadian berkenaan.

“Kita harap LITRAK dapat mengkaji jika ada sebarang masalah pada pembetung yang dimaksudkan, sama ada sudah lama tidak diselenggara atau aliran air terhalang. Jika ada (air terhalang), kita akan minta syarikat konsesi itu memberiskannya,” katanya.

Asmawi turut meminta MRCB, yang juga kontraktor projek LRT di Puchong untuk membesarkan sistem longkang atau saluran sedia ada, yang sebahagiannya longkang tanah dan sebahagian lagi simen.

“Kita minta mereka meluruskan longkang supaya air mengalir lebih cepat ke sungai. MRCB memaklumkan mereka akan siapkan kerja pembesaran longkang dalam tempoh sebulan setengah.

“Diharap, lawatan yang turut disertai LITRAK dan MRCB dapat membantu kita membendung masalah ini daripada berulang,” katanya.



Pekerja projek MRT membuang air yang bertakung dalam konkrit berikutan banjir kilat di sekitar Puchong, kelmarin.

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI / BH]